

LATIHAN A

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

lalu	pada	sambil	ketika	supaya	semakin
dari	untuk	kerana	setelah	kepada	terhadap

Sudah hampir sebulan hujan tidak turun, cuaca sangat panas. Murai berasa sangat dahaga. Murai terbang _____ suatu tempat ke suatu tempat untuk mencari air. _____ sekian lama mundar-mandir, akhirnya murai ternampak sebuah tempayan kecil yang berisi air. Murai terbang rendah _____ hinggap di sebelah tempayan kecil itu. Murai cuba mengais tempayan itu _____ dekat dengannya. Tiba-tiba, tempayan itu pecah dan airnya meresap ke dalam pasir. Tampaknya, rezeki yang sudah di depan mata itu bukan _____ murai. Kasihan ... Murai.

LATIHAN B

Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan di bawah.

oleh	yang	supaya	apabila	semakin	daripada
akan	untuk	dengan	kepada	terhadap	sementara

Hatiku melonjak kegembiraan _____ ayah membenarkan aku menyertai lawatan sambil belajar ke Melaka. Menjelang pagi, aku terjaga _____ tidur, aku mandi dan bersiap-siap untuk berkumpul di sekolah. Setibanya di sekolah, aku disambut mesra _____ beberapa orang kawanku. Tidak lama kem